

01 JAN 2002

Cuepacs-Gaji

KENAIKAN 10 PERATUS GAJI KAKITANGAN AWAM DIBAYAR MULAI JANUARI

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Kenaikan gaji kakitangan awam sebanyak 10 peratus yang diumumkan dalam Belanjawan 2002 akan dibayar mulai gaji bulan Januari, kata Setiausaha Agung Cuepacs Abdul Rahman Manan hari ini.

Beliau berkata perkara itu dimaklumkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada Cuepacs semalam.

"Cuepacs berharap semua kakitangan awam akan memanfaatkan kenaikan itu dengan berbelanja secara berhemat," katanya ketika dihubungi di sini.

Katanya, selaras dengan kenaikan itu Cuepacs meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna meningkatkan pemantauan ke atas peniaga-peniaga yang mungkin cenderung untuk menaikkan harga barang.

Kenaikan 10 peratus itu diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan 2002 di Parlimen pada Oktober lalu.

Abdul Rahman berkata Cuepacs berharap kakitangan awam dapat meningkatkan mutu perkhidmatan masing-masing selaras dengan kehendak pucuk pimpinan negara.

"Jika ini dilakukan, ia akan membantu usaha Cuepacs untuk terus merundingkan kajian semula Sistem Saraan Baru (SSB) yang dijangka akan dikemukakan oleh JPA kepada Kerajaan dalam bulan ini," katanya.

Beliau berkata Cuepacs akan mengadakan pertemuan dengan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman bagi mendapatkan taklimat terakhir berkenaan laporan kajian semula SSB itu sebelum ia diserahkan kepada Perdana Menteri.

"Kami mengharapkan agar JPA turut sama merayu kepada Kerajaan supaya mempertimbangkan laporan kajian semula SSB yang telah disediakan oleh JPA dan dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat sebab isu ini telah berlarutan hampir 10 tahun," katanya.

-- BERNAMA

NM MFJ ZB